



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERTUKARAN SEMENTARA BAGI LOKASI PENDENGARAN KES-KES DARI
MAHKAMAH MAJISTRET JAWI KE MAHKAMAH MUNISIPAL SEBERANG
PERAI (BUTTERWORTH), PULAU PINANG BERMULA 23 OGOS 2021**

Dimaklumkan bahawa Mahkamah Majistret Jawi, Pulau Pinang akan memulakan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf bangunan Mahkamah tersebut mulai 23 Ogos 2021.

Sehubungan itu, selaras dengan hasrat Badan Kehakiman Malaysia untuk memberikan akses kepada keadilan untuk semua lapisan masyarakat, semua prosiding kes jenayah di Mahkamah Majistret Jawi akan dijalankan di Mahkamah Munisipal Seberang Perai (Butterworth), Pulau Pinang bermula 23 Ogos 2021 sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Manakala bagi prosiding kes sivil pula akan kekal dijalankan secara dalam talian seperti mana arahan pendengaran prosiding sivil sebelum ini.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam atau orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi talian/emel berikut:

Mahkamah Majistret Munisipal Seberang Perai

Jalan Kg. Jawa, Taman Jawa
12000 Butterworth
Pulau Pinang
No. Tel: 04-3105665

atau

Puan Norizah binti Mohd Radzi
Emel: ēja@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 22 Ogos 2021